



## Perkhidmatan keadilan

# LEMBARAN FAKTA

Disediakan oleh Department of Justice  
(dahulu Department of the Attorney General)

### Keadilan di Wilayah Lautan Hindi

Department of Justice — Attorney General menguruskan aspek kritikal sistem keadilan WA dan pelbagai tanggungjawab undang-undang Kerajaan Negeri.. Perkhidmatan utama yang disediakan oleh Jabatan bagi pihak Kerajaan Australia adalah:

- pentadbiran mahkamah, tribunal dan lembaga;
- pendaftaran kelahiran, kematian, perkahwinan dan perubahan nama;
- perkhidmatan advokasi, waris dan pentadbiran harta; dan
- penyelarasan undang-undang, draf perundangan, dasar dan berbilang agensi bagi kerajaan.

### Apakah ertinya bagi saya?

Court and Tribunal Services di samping badan kehakiman, mentadbir lokasi mahkamah di Wilayah. Bahagian ini juga menguruskan tribunal dan lembaga, Pejabat Sheriff (termasuk Fines Enforcement Registry) selain membantu pelantikan, pendaftaran dan latihan Jaksa Pendamai, serta perkhidmatan untuk mangsa jenayah dan kanak-kanak yang terbabit dalam sistem keadilan.

Registry of Births, Deaths and Marriages merekodkan dan menyimpan secara kekal rekod kelahiran, kematian, perkahwinan dan perubahan nama bagi Wilayah.

Office of the Public Advocate melindungi orang dewasa yang kehilangan upaya untuk membuat keputusan sendiri, melalui advokasi bagi pihaknya, menjalankan siasatan, menyediakan khidmat waris, dan pendidikan komuniti.



Untuk penerangan lanjut, sila rujuk Department of Justice [Handbook and Services Guide](#)

### Untuk mendapatkan penerangan lanjut

Cara menghubungi	Butir-butir hubungan
Telefon	08 9264 1600
Laman web	<a href="http://www.dotag.wa.gov.au">www.dotag.wa.gov.au</a>